

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(IV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

5. Sejak kebelakangan ini sektor Pelancongan Kesihatan telah berkembang pesat di Pulau Pinang dan merupakan penyumbang terbesar untuk ekonomi negeri.
- (a) Apakah insentif dan juga kemudahan yang disediakan untuk membantu usahawan tempatan yang melibatkan diri dalam sektor tersebut?
 - (b) Apakah promosi daripada Kerajaan Negeri?

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. (a) Bagi membantu usahawan tempatan melibatkan diri dalam sektor tersebut, Kerajaan Negeri melalui *Penang Development Corporation* (PDC) telah memperkenalkan Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang. Skim pinjaman ini menyediakan kemudahan pinjaman mikro kredit yang merupakan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan kepada usahawan tempatan. PDC telah menyediakan peruntukan dana sebanyak RM11 juta bagi skim pinjaman ini. Pinjaman SPH disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM2,000.00 hingga RM25,000.00.

Tempoh bayaran balik pula adalah di antara dua (2) hingga tiga (3) tahun. Memandangkan jumlah pinjaman secara relatifnya adalah rendah, skim pinjaman ini disasarkan kepada usahawan tempatan yang terlibat dalam bidang seperti spa, kecergasan (*fitness*), urutan tradisional dan urutan moden. Melalui modal tambahan ini, usahawan-usahawan tempatan dapat mengembangkan perniagaan mereka. Bagi usahawan tempatan yang mempunyai pusat perubatan, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan *Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC)* untuk berkhidmat sebagai agensi utama dalam mempromosikan dan membangunkan sektor pelancongan perubatan negara. MHTC gigih bekerjasama dengan pembekal perubatan tempatan untuk membangkitkan kesedaran umum ke atas perkhidmatan kesihatan Malaysia yang bertaraf dunia. Selain itu, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mewujudkan sebuah Hospital Islam Pulau Pinang di Bayan Baru dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Yayasan Islam Pulau Pinang. Penubuhan hospital ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada usahawan tempatan menceburi bidang pelancongan kesihatan.

- (b) Bagi mempromosi pelancongan kesihatan kepada usahawan tempatan, Kerajaan Negeri melalui PDC telah menyelaraskan penyertaan usahawan dalam sektor berkaitan untuk terlibat dalam program-program jaringan perdagangan dan pepadanan perniagaan. Jaringan perdagangan adalah meliputi Dewan-Dewan Perniagaan, Persatuan Perdagangan dan Industri serta agensi-agensi Kerajaan. Program seperti *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT)* telah memberi peluang kepada usahawan tempatan untuk menjalinkan rangkaian di peringkat tempatan dan antarabangsa. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui *Penang Center of Medical Tourism (PMED)* telah bergiat aktif dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan perubatan yang terunggul sehingga diiktiraf "*Malaysia (namely Penang) as the '4 Countries With The Best*

Healthcare In The World' (2017)" oleh International Living.
Kemasukan lebih ramai pelancong akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi usahawan tempatan.